



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

JPJ melancarkan Program *myLESEN* Pelajar Sekolah bersama Kementerian Pendidikan Malaysia

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui Institut Memandu memperluaskan Program *myLESEN* kepada pelajar sekolah menengah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program *myLESEN* yang diperkenalkan oleh JPJ di seluruh negara pada 15 September 2015 telah mendapat sambutan yang menggalakkan bagi membantu rakyat di luar bandar dan bandar untuk mendapatkan lesen motosikal kelas B2 tunggal.

Inisiatif ini diperluaskan kepada pelajar sekolah menengah bagi menggalakkan pelajar sekolah supaya mendapatkan lesen memandu serta memberi pendidikan dan pendedahan kepada pelajar berhubung kepentingan keselamatan jalan raya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, didapati terdapat sejumlah 117,268 daripada 172,535 orang pelajar sekolah yang menggunakan kenderaan ke sekolah tidak memiliki lesen memandu yang sah dan terdedah kepada risiko kemalangan. Manakala, statistik kematian disebabkan kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah menengah bermula Januari sehingga Julai 2016, dilaporkan terdapat sebanyak 48 kes kematian.

Mengambil kira senario tersebut, JPJ dan Kementerian Pendidikan Malaysia membawa program *myLESEN* sedia ada kepada pelajar sekolah di sekolah-sekolah menengah supaya golongan ini dapat memiliki lesen memandu yang sah di sisi undang-undang.

Proses pendaftaran pelajar bagi mendapatkan lesen memandu dalam program ini akan dilaksanakan bermula 22 Ogos 2016 sehingga 31 Disember 2016 oleh pihak Institut Memandu dengan kerjasama pihak sekolah. Kadar bayaran yang dikenakan bagi memperoleh lesen memandu adalah sebanyak RM299.00 sahaja termasuk GST dan perlu dibayar terus kepada pihak Institut Memandu. Manakala, proses latihan dan ujian hendaklah dilaksanakan di Institut Memandu mengikut prosedur sedia ada.

Antara keistimewaan program *myLESEN* selain daripada kadar bayaran yang murah, program ini dikendalikan secara berkelompok. Selain itu, calon juga diberi peluang menduduki ujian lisan khas setelah gagal melalui ujian Bahagian 1 secara berkomputer sebanyak 2 kali dan ujian bertulis sebanyak 2 kali. Walau bagaimanapun, semua kemudahan pengangkutan ulang-alik bagi tujuan latihan dan ujian semasa proses mengambil lesen memandu adalah ditanggung sendiri oleh calon.

Majlis pelancaran yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Temenggung, Pendang, Kedah pada hari ini disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia dengan kerjasama penuh Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Abdul, selaku Ahli Parlimen Pendang, Kedah.

**Jabatan Pengangkutan Jalan
Malaysia**
22 Ogos 2016